




INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

PENGUKURAN & PEMANTAUAN

KUALITI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA MALAYSIA

Di Peringkat Nasional, Serantau dan Antarabangsa





PENGUKURAN & PEMANTAUAN

KUALITI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA MALAYSIA

Di Peringkat Nasional, Serantau dan Antarabangsa

© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2021

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana isi kandungan penerbitan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin daripada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujud dan melaksanakan program latihan berkaitan penyelidikan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

ISBN : 978-967-2783-01-5

Penyelidik IYRES :

Dr. Vellapandian Ponnusamy
Mastura Mohamad
Mohd Rizal Mohd Sham

Peer Review :

YBhg. Profesor Dr. Ismi Arif Bin Ismail
Pengarah Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)

Perekabentuk IYRES :

Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
Aras 10, Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +603 – 8871 3705 Faks : +603 – 8871 3342
Emel : penyelidik@iyres.gov.my
Laman Web : www.iyres.gov.my

KANDUNGAN

PENGUKURAN DAN PEMANTAUAN KUALITI & KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA MALAYSIA

Di Peringkat Nasional, Serantau dan Antartabangsa

05 Ringkasan Eksekutif

08 Senario Belia Malaysia di Peringkat Nasional dan Antartabangsa

20 Takrifan Umur Belia Di Negara-Negara Komanwel, Benua Asia Dan Rantau Asia Tenggara

23 Pengenalan Pengukuran Pembangunan Belia Di Peringkat Global Dan Nasional

27 Konsep Kualiti Dan Kesejahteraan Hidup Di Peringkat Nasional

31 Pembangunan Indeks Belia Malaysia & Indeks Pembangunan Belia Di Peringkat Global

39 Pencapaian Skor Indeks Belia Malaysia Bagi Tahun 2015 – 2020

55 Langkah Seterusnya

KESEJAHTERAAN BELIA



“ Saya ingin menyeru belia untuk bersama-sama kerajaan berganding bahu membangunkan kembali ekonomi negara. Kita kukuhkan persamaan dan kita raikan perbezaan masyarakat pelbagai kaum yang telah menjadi tunjang sejak sekian lama. Kitalah Keluarga Malaysia. ”

**YB Dato' Seri Ahmad Faizal Azumu
Menteri Belia Dan Sukan**

Ucapan semasa Sambutan Hari Belia Negara 2021



**Dr. Vellapandian Ponnusamy
Ketua Pegawai Eksekutif IYRES**

Ucapan Sempena Bengkel Technical Working Group
#Myindexbelia, 23 Jun 2021

“ Kolaborasi bersepadu merentas kumpulan pelaksana pembangunan belia melalui platform TWG #MYIndexbelia dapat membantu meneliti pencapaian setiap domain dan indikator dan secara langsung membangunkan strategi dan inisiatif yang bertepatan dengan keperluan belia. Selain itu, platform ini juga akan dapat merancang intervensi yang komprehensif dan kolektif dalam membangunkan aset dan potensi generasi belia ke arah pencapaian kualiti dan kesejahteraan hidup yang lebih baik ”

RINGKASAN EKSEKUTIF





Landskap Pengukuran dan Pemantauan Kualiti & Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia diperingkat nasional dan antarabangsa merupakan satu naskhah yang menggarapkan perkongsian dua indeks belia utama iaitu Indeks Belia Malaysia (IBM) yang dibangunkan diperingkat nasional dan Youth Development Index (YDI) yang dibangunkan di peringkat antarabangsa.

Diperingkat nasional, IBM memberikan satu gambaran yang komprehensif mengenai status semasa generasi belia di negara ini. IBM telah dibangunkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia bermula tahun 2006. Walau bagaimanapun, perubahan domain dan indikator telah berlaku dengan ketara pada tahun 2015, dan ini menjadikan IBM 2015 sebagai indeks tahun asas yang mengandungi 12 domain untuk memantau perkembangan pembangunan belia dalam jangka masa lima tahun sehingga 2020. Prestasi indeks tahun semasa akan dibandingkan dengan prestasi indeks tahun asas ini untuk membolehkan kita mengetahui perubahan dalam kualiti hidup dan kesejahteraan hidup belia kita melalui perbandingan peningkatan atau penurunan prestasi skor

indeks berkenaan. Pembentukan IBM membolehkan pemegang taruh pembangunan memantau pola perkembangan gaya hidup dan gaya fikir generasi belia. Secara tidak langsung, IBM memberi panduan termasuk pekerja belia untuk mengenalpasti bidang tumpuan yang memerlukan penambahbaikan dalam usaha meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup belia secara menyeluruh.

Pada masa ini pemantauan pencapaian skor IBM dilaksanakan melalui platform *Technical Working Group* (TWG) #MyIndexbelia dan melalui pemaparan maklumat yang telah direkodkan oleh focal point merentas kumpulan pelaksana di dalam Sistem eMYInd. Sehubungan itu, jangkaan yang dilaksanakan akan dapat dipantau secara berkala khususnya ke atas perubahan tahap kesejahteraan dan kualiti hidup belia Malaysia. Strategi dan inisiatif yang bersasar, berupaya menyediakan mereka untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran mendatang termasuk kelompok belia yang seperti belia dalam kategori belia NEET, belia OKU, belia maflis, belia berisiko; evolusi belia ke arah belia luar biasa (*extraordinary youth*), belia rentan (*vulnerable*) dan termasuk lapan (8) kumpulan sasaran.

Diperingkat antarabangsa, YDI telah dibangunkan oleh Sekretariat Komanwel untuk mengukur status generasi muda melibatkan 183 buah negara di seluruh dunia. Indeks ini kali pertama dibangunkan pada tahun 2013 yang merupakan satu ukuran komprehensif mengandungi lima (5) domain iaitu pendidikan, kesihatan, pekerjaan, penyertaan sivik dan penyertaan politik. Hasil pelaporan indeks ini telah membantu memberi input kepada pembuat dasar mengenai keperluan serta peluang generasi muda dan petunjuk utama generasi belia selaras dengan *Sustainable Development Goals* (SDG). Status pencapaian dan keperluan belia Malaysia turut dilaporkan didalam YDI yang meliputi 5 domain tersebut. Dokumen ini turut menjadi rujukan utama khususnya diperingkat KBS dalam melihat status belia Malaysia diperingkat antarabangsa sepetimana yang didokumenkan di dalam Dasar Belia Malaysia 2015-2035.

Bagi memastikan kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia terus dipertingkatkan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengambil inisiatif dalam melaksanakan pembangunan model analitik yang memfokuskan dalam pelbagai aspek kehidupan dan gaya hidup belia. Ini merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan untuk membantu pihak kerajaan dan pemegang taruh dalam membuat keputusan berdasarkan ketersediaan data yang komprehensif khususnya berhubung pembangunan belia. Pelaksanaan kajian IBM dalam beberapa tahun sebelum ini, telah menghasilkan data dalam *volume* yang besar dan data konsisten. Begitu juga data-data sekunder yang tersedia diperingkat nasional dan antarabangsa yang memfokuskan generasi belia sepetimana hasil dapatkan YDI.

Justeru itu, pelaksanaan model analistik melalui data-data terkumpul akan dapat membantu dalam membuat jangkaan, mendiagnos dan melaksanakan ramalan terhadap keperluan pada masa akan datang berdasarkan ketersediaan analisis data yang telah dihasilkan. Diharapkan melalui pelaksanaan model analistik ini juga, jangkaan ke atas nilai skor dapat diperolehi dengan mengambil pelbagai faktor iaitu bukan sahaja disebabkan perubahan nilai skor domain atau indikator malah faktor-faktor luaran yang mempengaruhi perubahan skor ini.

Naskah yang diterbitkan ini akan menerangkan secara terperinci berhubung kaedah pengukuran pembangunan belia yang digunakan diperingkat nasional mahupun peringkat global, konsep kualiti dan kesejahteraan hidup belia diperingkat nasional, pencapaian skor indeks diperingkat nasional dan antarabangsa dan *way forward* ke arah peningkatan tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia. Semoga naskah ini membantu memberi gambaran berkaitan landskap pembangunan pengukuran dan pemantauan kesejahteraan hidup belia Malaysia.

Teruskan membaca!



SENARIO BELIA MALAYSIA DAN PERINGKAT ANTARABANGSA

SENARIO BELIA DI MALAYSIA

Belia merupakan aset penting negara yang mana mereka merupakan antara penyumbang terbesar dalam meningkatkan taraf hidup sama ada dari aspek ekonomi, sosial maupun dari aspek politik. Menurut Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668), belia didefinisikan sebagai individu yang berumur 15 sehingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, pada tahun 2015, melalui Dasar Belia Malaysia (DBM), takrifan had umur belia telah diubah kepada individu yang berumur antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun.

Isu pembangunan belia amat penting kerana negara Malaysia mempunyai sejumlah 9 juta belia (15-30 tahun) iaitu 26.6 peratus daripada 33.78 juta jumlah penduduknya (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Hal ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada populasi penduduk di Malaysia terdiri daripada golongan belia. Maka, semua pemegang taruh belia merangkumi pelbagai lapisan dalam peringkat sosial perlu mengambil langkah komprehensif dalam memastikan pengurusan sumber belia ini menjadi wadah utama bagi aspek pembangunan negara. Anjakan dalam usaha ke arah pembangunan belia adalah penting demi memupuk nilai budaya kehidupan yang positif. Pembangunan belia merupakan satu isu penting dalam pembangunan negara. Namun begitu subjek pembangunan belia masih dianggap sebagai isu mudah dan kurang mendapat perhatian umum (Samsudin A. Rahim, 2007).



STATISTIK PENDUDUK & PENDUDUK BELIA DI MALAYSIA

BAGI TAHUN 2015-2020

POPULASI PENDUDUK

POPULASI PENDUDUK BELIA

TAHUN	0-65++ TAHUN			15-40 TAHUN			15-30 TAHUN			% 15-30/0-65+	
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah		
2015*	16,112.1	15,074.0	31,186.1	7,619.2	6,872.8	14,492.0	46.5%	5,144.4	4,650.2	9,794.6	31.4%
2016*	16,346.3	15,287.2	31,633.5	7,748.6	6,981.1	14,729.7	46.6%	5,201.4	4,688.4	9,889.8	31.3%
2017*	16,542.7	15,479.8	32,022.6	7,856.3	7,057.7	14,932.0	46.6%	5,242.7	4,709.9	9,952.6	31.1%
2018*	16,721.4	15,660.8	32,382.3	7,944.8	7,158.6	15,103.4	46.6%	5,269.6	4,720.4	9,990.0	30.9%
2019*	16,764.9	15,758.2	32,523.0	7,929.8	7,186.2	15,115.9	46.5%	5,222.8	4,692.7	9,915.5	30.5%
2020**	17,535.8	16,246.6	33,728.4	7,825.0	7,121.8	14,946.8	44.2%	4,637.7	4,362.8	9,000.5	26.6%

9

*Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM),2021

**Unjuran Penduduk (semakan semula) berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010

Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

CABARAN BELIA MALAYSIA

Dalam persekitaran global yang semakin kompetitif, Belia Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran. Adalah dijangkakan cabaran belia akan berganda pada masa hadapan sekiranya tidak diuruskan dengan baik. Oleh itu, Dasar Belia Malaysia (DBM, 2015) telah mengenal pasti empat cabaran utama yang dihadapi golongan belia Malaysia. Perkara ini bertujuan memastikan polisi yang digubal bersesuaian dengan kehendak dan keperluan masa kini dan masa hadapan belia Malaysia.

“..Belia Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran yang dijangka akan berganda pada masa hadapan sekiranya tidak diuruskan dengan baik..”
-Dasar Belia Malaysia-

Kualiti dan kesejahteraan hidup belia merupakan dua aspek yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Oleh yang demikian, satu mekanisme pemantauan dan penilaian perlu dilaksanakan bagi mengukur status dan keadaan kualiti dan kesejahteraan semasa golongan belia untuk dijadikan input kepada pihak berwajib bagi melaksanakan intervensi yang bersesuaian dalam membangunkan aset dan potensi mereka ke tahap yang lebih baik.



Sumber: Dasar Belia Malaysia, 2015

ANALISIS CABARAN POLITIK

PENDAFTARAN PEMILIH

11.77 juta

Jumlah Populasi Belia berumur 21-40 Tahun bagi Tahun 2019

Walau bagaimanapun, hanya seramai **6,169,042 (52.4%)** orang belia berumur 21-40 Tahun telah berdaftar sebagai pemilih

SOSIALISASI POLITIK

Penurunan Skor Domain Sosialisasi Politik tahun 2020 (27.75) berbanding tahun 2019 (29.03)

29.81 26.84 26.58

Penyertaan Dalam Aktiviti Politik

Mengikuti Perkembangan Politik

Perbincangan Mengenai Isu Politik

PENURUNAN KEPERCAYAAN



Keyakinan yang menurun adalah disebabkan oleh wujudnya jurang ketidaksamaan di antara generasi.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), 2020

Sumber : Indeks Belia Malaysia, 2020



Minat dan kepercayaan generasi milenium yang berusia 18 hingga 24 tahun terhadap sistem demokrasi semakin menurun.

Sumber : Pusat Masa Hadapan Demokrasi, Uni. Cambridge (Dipetik daripada Astro Awani Online, 12 Disember 2020)

ANALISIS CABARAN TEKNOLOGI

TEKNOLOGI

37%

daripada 4.7 juta pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh negara, lebih kurang **1.7 juta pelajar tidak mempunyai alat peranti**.



Developing countries need to work towards universal internet access and ensure that all their citizens have opportunities to learn the skills to be more ready for frontier technologies

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020

Sumber : UKM Journal of Social Science & Humanities 2020



Antara cabaran yang dihadapi dalam usaha pendigitalan adalah pertumbuhan ekonomi digital yang perlahan sebahagian besarnya disebabkan oleh kekurangan infrastruktur, tadbir urus yang tidak bersepadan, kekurangan keupayaan dan kemampuan di samping masalah ketidakmampuan kumpulan berpendapatan rendah untuk mengakses perkhidmatan digital. Penerimaan teknologi yang rendah, kekurangan pelaburan dalam R&D&C&I dan kekurangan bakat berkemahiran juga menghalang usaha untuk menggalakkan penggunaan teknologi termaju dalam menguasai 4IR.

Sumber : Rancangan Malaysia Ke-12, Jabatan Perdana Menteri

ANALISIS CABARAN EKONOMI

PENGANGGURAN

Kadar pengangguran belia bagi umur 15 hingga 24 tahun meningkat pada Februari 2021 sebanyak 0.4 peratus kepada 13.9 peratus berbanding Januari 2021. Bilangan belia yang menganggur meningkat sebanyak 52.4 ribu orang kepada 347.6 ribu orang berbanding bulan sebelumnya (Januari 2021: 295.3 ribu orang). Sebaliknya, kadar pengangguran belia bagi umur 15 hingga 30 tahun kekal pada 9.2 peratus.

Sumber : Laporan Tenaga Buruh Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021

KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Pendapatan bulanan graduan 2019 mengikut peringkat pengajian menunjukkan peratus tertinggi graduan Ph.D dan sarjana berada dalam kumpulan pendapatan RM5001 – RM10,000, iaitu masing masing 56.3 peratus dan 31.1 peratus. Peringkat ijazah pertama pula menunjukkan peratus tertinggi berada dalam kumpulan pendapatan RM1001 – RM2000, iaitu sebanyak 36.6 peratus. Begitu juga bagi peringkat diploma, sebanyak 67.3 peratus berada dalam kumpulan pendapatan RM1001 – RM2000.

Sumber : Laporan Kajian Pengesahan Graduan 2019, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT),2020



PEKERJAAN

1 in 16

or more than 100 million workers need to find a different occupation by 2030 in our post-COVID-19



Sumber : Susan Lund, Anu Madgavkar, James Manyika, Sven Smit, Kweilin Ellingrud and Mary Meaney. 2021. The future of work after COVID-19. McKinsey Global Institute)

ANALISIS CABARAN SOSIAL

PENDIDIKAN

1/5 pelajar

hilang minat
untuk
bersekolah

Walaupun hadir ke sekolah, sebilangan besar murid hilang semangat dan minat untuk belajar selepas Perintah Kawalan Pergerakan.

1/4 pelajar

yang tidak berminat untuk belajar adalah datang daripada keluarga ibu tunggal

Sumber : Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA), 2020

INSTITUSI KEKELUARGAAN

Perceraian dalam kalangan rakyat Malaysia meningkat 12 peratus kepada 56,975 pada 2019, berbanding 50,862 pada tahun sebelumnya. Purata umur pasangan bercerai adalah 37 tahun bagi lelaki dan 34 tahun bagi wanita

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020

GEJALA SOSIAL

42.8%

iaitu 8,832 orang belia berumur 15-30 Tahun terlibat dalam penyalahgunaan dadah bagi Tahun 2020.

79.3%

iaitu 19,517 orang belia berumur 15-40 Tahun terlibat dalam kesalahan jenayah kekerasan dan harta benda bagi Tahun 2020

Sumber : Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) 2020

Sumber : Polis DiRaja Malaysia, 2021

KESIHATAN MENTAL

1/3 penyebab utama

kematian pada Tahun 2020 di kalangan individu berumur 15 hingga 44 tahun adalah **bunuh diri**.

Sumber : Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 2020

5 GOLONGAN BELIA RESAH

PERLUKAN PERHATIAN



KUMPULAN PERTAMA

Belia yang sedang bekerja namun khawatir berdepan risiko dibuang kerja



KUMPULAN KEDUA

Belia yang berada di institusi pengajian tinggi yang akan memasuki alam pekerjaan



KUMPULAN KETIGA

Belia dalam peringkat awal keusahawanan, terutamanya industri kecil dan sederhana (IKS) yang tertekan akibat PKP



KUMPULAN KEEMPAT

Belia yang terlibat di dalam ekonomi gig yang disifatkan berisiko kerana tiada perlindungan keselamatan sosial



KUMPULAN KELIMA

Belia NEET yang tidak bekerja, tidak berpendidikan dan tiada latihan kemahiran yang harus yang diberi sokongan

... saya telah mengutarakan tentang agenda sosial yang bakal menjadi bom jangka untuk anak muda di Malaysia.. i have thought hard about the biggest challenges that youth of today face. Saya ingin berkongsi lima pengamatan berkaitan cabaran terbesar untuk anak muda pada hari ini. That is my problem statement and I call upon you to help us craft the best policies to help address these in the years to come...



14

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican
Mantan Menteri Belia Dan Sukan

Petikan semasa Sesi Pergulungan Sidang Parlimen ke-14

5 ELEMEN TERAS KBS TAHUN 2021

Lima (5) elemen teras dijadikan sebagai fokus dan keutamaan kepada kementerian ini.

BEING A DATA DRIVEN ORGANIZATION

Data disebutkan sebagai "new oil" ketika digital age ini. KBS akan dapat menjadi nucleus sebenar data berkaitan belia dan industri sukan. Data yang strategik, akan memberikan kekuatan luar biasa kepada Kementerian ini. Ianya akan membantu dalam membuat keputusan yang tepat, sekaligus memberi manfaat kepada rakyat;

EXPLORE ALL POSSIBILITIES

Penerokaan peluang untuk memastikan "perkhidmatan" yang disediakan sampai kepada kelompok sasar. Cadangan mewujudkan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Belia di peringkat negeri dan daerah merupakan satu langkah yang baik dalam meneroka (exploring all possibilities) bagi merancang serta memperkasakan inisiatif berkaitan pembangunan belia dan sukan di Malaysia.

LEVELLING UP OUR YOUTHS

Sekjak tahun lalu KBS telah merancang dan mewujudkan "single landing page", berkaitan Skim Perantisan Nasional, MyGIG, reskilling; upskilling dan cross skilling, keusahawanan belia dan sebagainya. Tahun 2021 ini, KBS mesti bersungguh dalam merealisasi segala usaha "levelling up our youths". KBS perlu menunjukkan bukti, kesungguhan KBS membina kapasiti dan kemampuan warga belia, dapat menunjukkan hasil dan kejayaan;

INCLUSIVE IN APPROACH & STRATEGY

KBS mesti menjadi "rumah" kepada semua belia, tanpa mengira kaum dan latar belakang. Pendekatan inklusif ini diharapkan dapat dirasai ke akar umbi. TEAM KBS bukan sahaja perlu inklusif; malah "kelihatan" inklusif di mata rakyat.

ASPIRATION TO DELIVER; AND DELIVER COMPETENTLY

Tahun 2021 merupakan tahun untuk memastikan segala perencanaan; baik daripada segi program, inisiatif dan projek; dapat disampaikan dan dirasai oleh rakyat., terutamanya pemegang taruh utama di Kementerian ini.


SENARIO BELIA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

KEWANGAN

- Impak kehilangan pekerjaan menyebabkan perkembangan kerjaya yang mundur seterusnya menjurus kepada pengurangan jumlah wang terkumpul sewaktu pencer
- Pemilikan Aset kewangan yang terhad (*cash, stocks, bon, mutual fund etc*) boleh menyebabkan kedudukan kewangan mereka berada di bawah paras kemiskinan sewaktu kehilangan sumber pendapatan.

PEKERJAAN

- Kehilangan pekerjaan
- Bekerja di sektor gaji rendah




KESIHATAN MENTAL

- Stress
- Keresahan
- Kesunyian

PENDIDIKAN

- Keciciran pendidikan
- Kekurangan akses kepada internet dan gajet untuk mengikuti pembelajaran sewaktu pandemik



PENDIDIKAN

- Dianggarkan 142 juta belia berumur 15 hingga 17 tahun tidak bersekolah. (Sumber : UNESCO, 2021)
- Kajian oleh The Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) di 59 negara menunjukkan bahawa walaupun kebanyakan negara meletakkan peluang pembelajaran alternatif (*alternative learning opportunities*), namun hanya separuh daripada pelajar dapat mengakses semua atau sebahagian besar kurikulum (Sumber :OECD 2020).

PEKERJAAN

- 71 juta anak muda menganggur; dan berjuta-juta lagi khuatir terhadap pekerjaan mereka yang tidak stabil dan berkemungkinan akan kehilangan pekerjaan. (Sumber: United Nations, 2018)
- 156 juta belia di negara berpendapatan rendah dan sederhana bekerja miskin (ILO). (Sumber: United Nations, 2018)
- 35% golongan muda (berumur 15-29 tahun) bekerja dalam pekerjaan bergaji rendah dan tidak selamat secara purata di seluruh OECD, berbanding 15% pekerja pertengahan umur (30-50) dan 16% pekerja yang lebih berusia (berumur 51 tahun ke atas) (Sumber :OECD 2019).
- Bukti dari awal krisis menunjukkan bahawa golongan muda (15-24) adalah kumpulan yang paling terjejas akibat peningkatan pengangguran antara Februari dan Mac (Sumber : OECD 2020).

KEWANGAN

- Golongan muda yang mempunyai menghadapi peluang pembangunan kerjaya yang lebih perlahan, tahap gaji yang lebih rendah, prospek yang lebih rendah untuk pekerjaan yang lebih baik, (OECD 2016)
- Golongan muda juga mempunyai aset kewangan yang rendah dan terhad. Hal ini memberi risiko kepada tahap kesejahteraan ekonomi dalam isi rumah yang boleh mengakibatkan pendapatan mereka terjejas serta menyumbang kepada bawah garis kemiskinan dalam tempoh 3 bulan kehadapan, sekiranya pendapatan mereka tiba-tiba berhenti atau menurun (OECD 2020)

MANGSA KEGANASAN

- 3% hingga 24% wanita melaporkan bahawa pengalaman seksual pertama mereka adalah dipaksa melakukan aktiviti seksual (penderaan). (Sumber : WHO, 2020)
- Satu kajian yang dilaksanakan melibatkan 40 negara membangun menunjukkan bahawa purata 42% kanak-kanak lelaki dan 37% kanak-kanak perempuan terdedah kepada mangsa buli. (Sumber : WHO, 2020)
- Sejak penularan wabak COVID-19, panggilan melalui talian hotline pencegahan keganasan telah meningkat sehingga 5 kali ganda manakala panggilan kecemasan melaporkan keganasan rumah tangga terhadap wanita dan kanak-kanak telah meningkat sebanyak 60% berbanding tempoh sama tahun sebelumnya di Eropah menurut WHO tahun 2020.

KESIHATAN MENTAL

- Kesan psikologi penjarakan sosial dan langkah kuarantin ke atas golongan muda menyebabkan tekanan, kebimbangan dan kemurungan. Ini juga disahkan oleh dapatan kajian yang dijalankan di UK (Etheridge B., Spanting L., 2020[23]) dan AS (McGinty EE et al., 2020[24]) menunjukkan bahawa orang dewasa muda (berusia 18 hingga 29 tahun) mengalami tahap tekanan yang lebih tinggi berbanding kumpulan umur lain.
- Hasil kajian daripada OECD menunjukkan tahap kebimbangan dan kemurungan meningkat kesan daripada pandemik COVID-19, hasil kajian turut melaporkan kesan ini turut berlaku kepada negara-negara lain di seluruh dunia. (Sumber : OECD, 2021)
- Pengarah Jabatan Kesihatan Mental WHO, Devora Kestel, menyatakan “Pengasingan, ketakutan, ketidakpastian, kemelut ekonomi – semuanya boleh menyebabkan tekanan psikologi. (Sumber : Reuters,2020)
- Laporan mingguan oleh *Centres for Disease Control and Prevention* (CDC) (www.cdc.gov) dalam kajian melibatkan individu dewasa di Amerika Syarikat berkaitan dengan pandemik COVID-19 menunjukkan kebanyakan individu belia, kaum/etnik minoriti, pekerja bahagian penting yang tidak menerima gaji mengalami masalah kesihatan mental yang serius. Lebih membimbangkan wujud peningkatan keinginan untuk membunuh diri.
- Satu kajian tinjauan lain turut dilakukan di China, namun ia hanya melibatkan 1,257 pekerja sektor kesihatan yang perlu berdepan dengan pesakit COVID-19. Daripada hasil tinjauan, 50.4% daripadanya dilaporkan mengalami gejala kemurungan, 44.6% tanda-tanda kegelisahan, 34% insomnia dan 71.5% berdepan tekanan.

TAKRIFAN UMUR BELIA

DI NEGARA-NEGARA
KOMANWEL, BENUA ASIA DAN
RANTAU ASIA TENGGARA



TAKRIFAN UMUR BELIA DI NEGARA-NEGARA

KOMANWEL, BENUA ASIA DAN RANTAU ASIA TENGGARA

KOMANWEL	BENUA ASIA	ASIA TENGGARA
Australia 12-24 tahun	Bangladesh 15-30 tahun	Brunei 15-40 tahun
Kanada 16-23 tahun	India 13-35 tahun	Indonesia 16-30 tahun
New Zealand 15-24 tahun	Maldives 16-35 tahun	Filipina 15-30 tahun
Papua New Guinea 12-35 tahun	Pakistan 15-29 tahun	Singapura 15-29 tahun
Samoa 15-35 tahun	Republik Korea 9-24 tahun	Thailand 15-24 tahun
Kepulauan Solomon 14-29 tahun	Republik Rakyat China 14-28 tahun	Vietnam 15-35 tahun
Sri Lanka 15-29 tahun		Malaysia 15-40 tahun
United Kingdom 14-25 tahun		<i>Susulan daripada Pindaan Akta 668 yang masih belum berkuat kuasa, KBS menggunakan dua takrifan had umur belia iaitu 15 hingga 30 tahun DAN 15 hingga 40 tahun</i>

TAKRIFAN BELIA MENGIKUT ORGANISASI DI PERINGKAT GLOBAL

The Commonwealth 15-29 tahun	European Commission 15-29 tahun
International Labour Office (ILO) 15-24 tahun	World Bank 15-24 tahun
World Health Organization (WHO) 10-24 tahun	African Union Comission 18-35 tahun
United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) 15-24 tahun	United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat)(Youth Fund) 15-32 tahun
Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) 15-29 tahun	United Nations Security Council Resolutions 2250 on Youth, peace and Security 18-29 tahun

Sumber: Youth Development Index, 2020

8

RASIONAL PEMILIHAN UMUR BELIA



TAKRIFAN UMUR BELIA :

Individu belia yang berumur di antara 15 tahun dan sebelum mencapai 30 tahun

PENGENALAN

PENGUKURAN PEMBANGUNAN BELIA DI PERINGKAT GLOBAL DAN NASIONAL



LATAR BELAKANG

Pada tahun 1998, menerusi Persidangan Komanwel Menteri-Menteri Belia, satu keputusan telah dipersetujui, yang mana negara-negara Komanwel bersetuju untuk membentuk satu indeks bagi memberi garis panduan mengenai gaya hidup belia di negara-negara Komanwel dan ia dinamakan sebagai *Youth Development Index* (YDI). Secara umumnya YDI yang dibentuk ini adalah untuk membantu memacu *Commonwealth Plan of Action for Youth Empowerment* (PAYE) dengan menyediakan maklumat atau data Pembangunan Belia.

TAKRIFAN YDI

YDI mentakrifkan pembangunan belia sebagai 'meningkatkan taraf hidup orang-orang muda, memberi kuasa kepada mereka untuk membina kecekapan dan keupayaan untuk hidup. Ia akan membolehkan golongan muda menyumbang dan mendapat manfaat dari segi politik, berdaya maju dari segi ekonomi, dan undang-undang persekitaran yang menyokong, memastikan penyertaan mereka sebagai warganegara aktif di negara-negara mereka.'

Malaysia merupakan antara negara terawal yang mengambil inisiatif untuk membentuk satu indeks seperti mana yang telah disyorkan semasa persidangan pada tahun 1998 tersebut (Laporan Indeks Pembangunan Belia Komanwel, 2016). Indeks yang dibangunkan ini mempunyai matlamat yang sama di mana mencari satu garis panduan atau penanda aras terhadap tahap kualiti dan kesejahteraan hidup sama ada berada ditahap yang baik ataupun sebaliknya.

PENGUKURAN INDEKS

Youth Development Index (YDI) dilaksanakan bagi memantau serta mengukur perkembangan kesejahteraan pembangunan belia di seluruh negara. Pengukuran indeks ini menfokuskan kepada belia yang berumur antara 15-29. Bagi tahun 2013, jumlah penglibatan dengara adalah seramai 170 negara termasuk 54 negara-negara Komanwel dan pada tahun 2016, sebanyak 183 negara meliputi 49 daripada 53 negara-negara Komanwel. Manakala bagi tahun 2020, sebanyak 181 negara terlibat dalam pengukuran YDI.

LIMA (5) DOMAIN DALAM PENGUKURAN YDI 2013 & 2016

- i. Education
- ii. Health and Well-Being
- iii. Employment
- iv. Civic Participation
- v. Political Participation

(sumber : YDI, 2013 & YDI 2016)

ENAM (6) DOMAIN DALAM PENGUKURAN YDI 2020

- i. Education
- ii. Employment & Opportunity
- iii. Equality & Inclusion
- iv. Health & Wellbeing
- v. Peace & Security
- v. Political & Civic Participation

(sumber : YDI, 2020)

LAPORAN YDI 2020

MALAYSIA

Skor Keseluruhan YDI -0.775 (*High*)

DOMAIN YDI:

- **Education**
(0.83 (*Very High*))
- **Employment & Opportunity**
(0.881 (*Very High*)))
- **Equality & Inclusion**
(0.887(*Very High*)))
- **Health & Wellbeing**
(0.724 (*High*)))
- **Peace & Security**
(0.844 (*Very High*)))
- **Political & Civic Participation**
(0.311(*Low*)))

PERINGKAT GLOBAL:

Malaysia - Tangga ke 50/181 negara

PERINGKAT KOMANWEL:

Malaysia - Tangga ke 11/48 negara

Sumber:
Global Development Index & Report, 2020



Umur Belia
dalam Indeks

15 - 30
TAHUN

INDEKS BELIA MALAYSIA 2015-2020

12 Domain & 58 Indikator

- Pembangunan Kendiri
- Hubungan Sosial
- Identiti
- Potensi Diri
- Kesehatan
- Kesejahteraan Ekonomi
- Keselamatan
- Sosialisasi Politik
- Penggunaan Media
- Waktu Senggang
- Pendidikan
- Bebas Tingkahlaku Devian



Umur Belia
dalam Indeks

15 - 30
TAHUN

INDEKS PEMBANGUNAN BELIA BRUNEI DARUSSALAM 2016

8 Domain & 41 Indikator

- Pembangunan Kendiri
- Aktiviti Masa Lapang
- Nilai & Identiti
- Kesehatan
- Penilaian Potensi Diri
- Pendedahan Multimedia
- Integrasi Masyarakat
- Masalah Sosial



Umur Belia
dalam Indeks

15 - 30
TAHUN

INDEKS PEMBANGUNAN BELIA FILIPINA 2016

5 Domain & 17 Indikator

- Pendidikan
- Pekerjaan
- Kesehatan
- Penyertaan
- Organisasi



Umur Belia
dalam Indeks

15 - 30
TAHUN

INDEKS PEMBANGUNAN BELIA INDONESIA 2016

5 Domain & 20 Indikator

- Pendidikan
- Kesehatan
- Kebajikan
- Pembangunan Kepimpinan
- Kepekaan Jantina



Umur Belia
dalam Indeks

15 - 30
TAHUN

INDEKS PEMBANGUNAN BELIA ASEAN 2016

5 Domain & 19 Indikator

- Pendidikan
- Pekerjaan & Peluang
- Kesehatan & Kesejahteraan
- Penyertaan & Penglibatan Belia
- Nilai & Identiti



Umur Belia
dalam Indeks

15 - 29
TAHUN

INDEKS PEMBANGUNAN BELIA KOMANWEL 2020

6 Domain & 27 Indikator

- Education
- Employment & Opportunity
- Equality & Inclusion
- Health & Wellbeing
- Peace & Security
- Political & Civic Participation

Sumber:

Global Youth Development Index and Report, 2020

PENGUKURAN PEMBANGUNAN BELIA DI PERINGKAT NASIONAL MELALUI INDEKS BELIA MALAYSIA

Indeks Belia Malaysia (IBM) merupakan instrumen atau penanda aras yang dibentuk bertujuan memantau perkembangan kualiti dan kesejahteraan hidup generasi belia di Malaysia. IBM telah berjaya diterbitkan sebanyak empat kali bermula pada tahun 2006, 2008, 2011 dan yang terkini pada tahun 2015. IBM'15 telah dibangunkan dengan beberapa penambahbaikan dari segi kekuatan pengukuran domain dan indikator. Sebanyak 12 domain dan 58 indikator telah berjaya dibangunkan dan menjadi asas kepada demensi pengukuran tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia di Malaysia. Domain dan indikator yang dibangun disesuaikan dan ditambahbaik dengan mengambil kira perubahan keadaan semasa dan juga perkembangan serta ledakan teknologi yang berlaku dengan pesat.

Indikator yang digunakan dalam IBM adalah ke arah mengukur Pembangunan Belia Positif (PYD) di mana belia dilihat sebagai aset dan bukan sebagai liabiliti. Selain itu, melalui 12 Domain dan 58 Indikator tersebut dapat mengenal pasti pola gaya fikir dan gaya hidup belia Malaysia masa kini. Indikator positif bertujuan menggambarkan matlamat untuk melahirkan generasi belia yang memiliki kualiti modal insan positif ke arah merealisasikan Agenda Pembangunan Belia Negara dan secara tidak langsung menjadi mekanisme penilaian terhadap pelaksanaan Dasar Belia Malaysia (DBM) bermula pada tahun 2015 hingga 2035.

IBM kali pertama
dibangunkan pada tahun
2006.

8 Domain dan 36 Indikator
telah diperkenalkan

IBM kali keempat
dibangunkan pada
tahun 2015.

12 Domain dan 58
Indikator telah
diperkenalkan

KRONOLOGI PEMBENTUKAN
INDEKS BELIA MALAYSIA

IBM kali ketiga
dibangunkan pada
tahun 2011.

9 Domain dan 62
Indikator telah
diperkenalkan

IBM kali kedua
dibangunkan pada
tahun 2008.

8 Domain dan 47
Indikator telah
diperkenalkan

KONSEP

KUALITI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP DI PERINGKAT NASIONAL



KONSEP KUALITI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP

DEFINISI KESEJAHTERAAN

Perkataan "Kesejahteraan" bukanlah satu istilah yang baru. Mengikut kamus Dewan Bahasa Edisi Kedua memberi pengertian "keadaan selamat", "keamanan dan keselamatan", "ketenteraman", "Sentosa" dan "kesenangan (hidup)". Manakala dalam bahasa Inggeris ia dikenali sebagai "well-being". Umumnya, kualiti dan kesejahteraan hidup dipengaruhi oleh keperluan asas yang dapat dimiliki dan dinikmati oleh individu, belia, keluarga, komuniti atau masyarakat dalam sesebuah penempatan, daerah, negeri atau negara.

DEFINISI KUALITI

Menurut Bubolz et al. (1980), kualiti hidup adalah satu pernyataan umum yang merujuk kepada kesejahteraan atau ketidaksejahteraan masyarakat dalam persekitaran kehidupan mereka. Kualiti hidup juga membawa maksud kehidupan yang baik atau menjalani kehidupan dengan kualiti yang tinggi (Ventegodt et al., 2003). Sementara Goldsmith (2005) mendefinisikan kualiti hidup sebagai persepsi individu terhadap kepuasan ke atas sesuatu keadaan, persekitaran dan hubungan secara relatif dengan alternatif sedia ada seperti keluarga dan rakan, kerja, pendapatan, kejiranan dan tempat tinggal.

Berdasarkan Sulaiman Md Yasin, Asnarullhadi Abu Samah, Jeffrey Lawrence D'Silva dan rakan-rakan (2015) menyatakan kesejahteraan membawa maksud satu pengertian yang menggambarkan satu keadaan cukup (makan minum, pakaian, tempat tinggal), selesa (kedudukan ekonomi), tenang (jiwa, psikososial, kesihatan), segar (persekitaran), harmoni (keadaan yang selamat), dan damai (suasana hidup sekeliling) yang mampu dan memberi makna kepada kebahagiaan hidup seseorang. Keperluan asas inilah juga yang menentukan kesejahteraan hidup mengikut suasana atau keadaan sosioekonomi, budaya, sosiopolitik di persekitaran mereka. Dengan erti kata lain, jika hidup seseorang individu ada kualiti, maka mereka akan sejahtera. Berdasarkan logik ini istilah yang sering digunakan seperti "good life" yang dirujuk oleh Diener dan Suh (1997) sering dikaitkan dengan kualiti hidup adalah mengenai kesejahteraan (well-being). Mereka yang ada kualiti hidup, akan merasa hidup selesa—"good life" dan memberi gambaran kesejahteraan atau kebahagiaan.

Oleh sebab itulah szalai (1980) mendefinisikan kualiti hidup (hidup berkualiti) itu sebagai "The degree of excellence" atau "satisfactory character of life".



Ringkasnya, kualiti hidup memberi gambaran mengenai darjah kesejahteraan hidup (well being) yang dirasai oleh seseorang individu. Menurut Zaimah Ramli dan rakan-rakan (2012) menyatakan bahawa kualiti hidup dan kesejahteraan merupakan satu konsep yang saling melengkap. Kefahaman kualiti dan kesejahteraan hidup perlu mengambil kira elemen subjektifnya iaitu melibatkan gaya fikir, gaya tindak terhadap persekitaran, pengalaman kehidupan mereka. Kualiti dan kesejahteraan merupakan satu bentuk penilaian secara sedar atau taksiran psikologikal individu tentang kepuasan kehidupan mencakupi aspek pembangunan kendiri, hubungan sosial, sosio-ekonomi, persekitaran, integrasi sosial, kesihatan fizikal, pendidikan, keseimbangan hidup dan pekerjaan, keselamatan, politik dan sebagainya.

KONSEP KUALITI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP

Terdapat segelintir berpandangan bahawa pengukuran kualiti dan kesejahteraan yang subjektif dikatakan tidak tepat. Perkara ini disebabkan penilaian tersebut melibatkan pengukuran individu yang sering dipengaruhi oleh emosi dan persekitaran. Oleh itu, bila persekitaran berubah, penilaian juga turut berubah. Namun demikian, harus difahami fakta dan realiti sosial yang sebenar. Manusia hidup dalam konteks, iaitu hubungan persekitaran dan interaksi sosial meliputi keluarga, jiran, komuniti, kerja, rakan sebaya, masyarakat, gaya hidup dan lain-lain. Interaksi sosial seseorang individu dengan pelbagai persekitaran inilah menjadikan dan mewarnakan kepelbagaian dimensi kehidupannya. Mereka boleh menilai, mentafsir dan membuat pengiraan mengenai kepuasan dan kecukupan terhadap persekitaran tersebut dan seterusnya mempengaruhi darjah kesejahteraan hidup.

Pengiraan kesejahteraan yang hanya berpaksikan kepada pengiraan kuantitatif (fizikal) sahaja masih tidak mencukupi, ia tidak memberi gambaran tentang kepuasan dan kecukupan dari segi input pembangunan. Ini penting untuk dinilai dan diketahui. Input pembangunan mencakupi pelbagai kemudahan sosial, gaya hidup, kesihatan, keselamatan, kebajikan, keperluan asas dan sebagainya.

Walaupun input tersebut tidak menjana pendapatan secara terus kepada ekonomi negara, tetapi mempunyai peranan yang besar dalam aspek pembangunan kesejahteraan kepada rakyat dan golongan belia khususnya. Oleh demikian amat rugi jika pengasingan penilaian atau pengiraan subjektif dan objektif pembangunan diketepikan secara tidak langsung bererti menafikan sumbangannya dalam pembinaan kualiti dan kesejahteraan hidup.

Ringkasnya, kualiti dan kesejahteraan hidup adalah satu konsep yang saling melengkapi dan menerangkan tentang tahap kualiti hidup. Perbezaan jelas antara keduanya dapat dilihat kepada cara pengukuran (Ventegodt et al., 2003; Costanza et al., 2007; McLead, 2008), iaitu kualiti hidup menjurus kepada pengukuran yang bersifat objektif. Manakala kesejahteraan pula menjurus kepada pengukuran kualiti hidup yang bersifat subjektif dan lebih dikenali sebagai kesejahteraan subjektif. Hubungan antara keduanya juga kadang-kadang dilihat daripada pelbagai sudut pandangan, misalnya ada pihak yang menerima dan menggunakan secara tukar-ganti (Galloway et al., 2005).

Malah ada yang menggunakan istilah kepuasan hidup bagi menggambarkan keadaan kualiti hidup dan kesejahteraan subjektif (Camfield & Skevington, 2008).

Pembentukan IBM membolehkan pihak bertanggungjawab atau kementerian/agensi yang mempunyai kawalan berkaitan dengan pembangunan belia memantau pola perkembangan gaya hidup dan gaya fikir generasi belia masa kini.


IBM turut dijadikan satu mekanisme penilaian atau indikator dalam mengukur keberkesanannya pelbagai program pembangunan belia, IBM memberikan maklumat penting tentang ruang dan bidang yang boleh dijadikan tumpuan bagi perancangan strategik program pembangunan generasi belia Malaysia.

Pembentukan IBM juga memberikan panduan kepada semua pemegang taruh termasuk pekerja belia untuk mengenal pasti bidang tumpuan yang memerlukan penambahbaikan dalam usaha meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup generasi belia secara menyeluruh. Transformasi pembangunan belia yang lebih berfokus perlu diwujudkan supaya potensi generasi belia dapat dibimbing dan disokong agar jatidiri belia dapat dilerahkan seperti mana termaktub dalam Dasar Belia Malaysia (DBM).

PENGENALAN DAN KEPENTINGAN OUTCOME IBM

PENGENALAN

Sejak Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15) diterbitkan, pelbagai reaksi telah diterima daripada pelbagai pihak. IBM turut dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Sosial Bil 1/2016 pada 7 Jun 2016 yang telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri yang kemudian mencadangkan agar pelaksanaan kajian ini dilaksanakan setiap tahun agar sesuatu "outcome" yang ketara dapat diukur bagi menentukan keberkesanan pelaburan dan pelaksanaan program yang disasarkan kepada generasi belia. Dengan pelaksanaan penilaian "outcome" indeks belia ini akan membolehkan pihak berkepentingan pembangunan belia mengetahui perubahan dalam kualiti dan kesejahteraan hidup belia melalui perbandingan peningkatan atau penurunan prestasi skor indeks tersebut.



PEMBANGUNAN

INDEKS BELIA MALAYSIA &
INDEKS PEMBANGUNAN BELIA
DI PERINGKAT GLOBAL



PEMBANGUNAN INDEKS BELIA MALAYSIA



PEMBANGUNAN KENDIRI

Ciri-ciri psikologi dalam diri seseorang yang boleh dibangunkan secara optimum ke arah mencapai sahsiah unggul dan jati diri yang mantap

▼7

Penghargaan Kendiri

Darjah penghargaan dan pengiktirafan individu terhadap dirinya sendiri/ harga diri

Efikasi Diri

Kepercayaan individu terhadap kebolehan dan keupayaan untuk menyempurnakan sesuatu tugas dengan baik

Motivasi Pencapaian

Faktor dorongan dalam diri seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat

Asertif

Darjah ketegasan diri seseorang terhadap sesuatu perkara

Daya Tahan (Resilience)

Kemampuan seseorang untuk terus komited dalam melaksanakan sesuatu walaupun menempuh pelbagai cabaran dan halangan

Keagamaan

Kepercayaan dan manifestasi kepercayaan kepada tuhan, atau sesuatu kuasa ghaib dan sakti yang berupaya bertindak sebagai petunjuk, pembentukan moral dan melahirkan nilai positif

Kecerdasan Emosi

Keupayaan seseorang untuk mengenalpasti, mengelola serta menguruskan emosi diri dan orang lain dalam pelbagai persekitaran



HUBUNGAN SOSIAL

Ikatan antara individu dengan individu yang lain

▼3

Hubungan dengan Ibu/Bapa

Keeratan dan perapat dalam hubungan dengan ibu bapa dan keluarga

Hubungan dengan Masyarakat

Keeratan dan perapat dalam hubungan dengan masyarakat

Hubungan dengan Rakan

Keeratan dan perapat dalam hubungan dengan rakan-rakan

Petunjuk Domain dan indikator Indeks Belia dibangunkan menjadi asas untuk mengukur tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia semasa bermula tahun 2015 sehingga tahun 2020



IDENTITI

Semangat, siri kepercayaan, pegangan, nilai diri, kefahaman yang boleh berupa pemikiran dan tindakan seseorang individu

▼5

Daya Saing

Kemampuan untuk bersaing dengan orang lain

Kesukarelaan

Keinginan dan kesanggupan melakukan sesuatu tugas tanpa mengharapkan sebarang balasan

Patriotisme

Perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air

Semangat Perpaduan

Sepakat dan bersatu padu dalam kepelbagaian bangsa

Integriti

Integriti merangkumi nilai keikhlasan, keterbukaan, ketulusan, amanah, benar, beretika, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, menepati janji



POTENSI DIRI

Kekuatan dan kemampuan dalam diri individu yang boleh diserlahkan

▼5

Kepimpinan

Keupayaan untuk memimpin, bijak membuat keputusan dan mengandalkan sesuatu yang sukar

Sensitiviti/ Keprihatinan

Keprihatinan terhadap nilai dan budaya masyarakat serta menjaga alam sekitar

Berdaya Upaya

Mempunyai kebolehan dan keupayaan dalam mendorong seseorang untuk sesuatu yang lebih baik

Daya Keusahawanan (*Entrepreneurial*)

Kebolehan mencari, mengenalpasti dan merebut peluang serta ruang

Kreatif

Kemampuan, kebolehan dan keupayaan mencetuskan idea baru, asli dan mengimplementasikan idea ke arah yang lebih baik

32

12 DOMAIN DAN 58 INDIKATOR



EKONOMI

Tahap ekonomi seseorang yang menggambarkan sejauhmana kedudukan kewarganegaraan

▼ 5

Jaminan Kewangan

Kedua-dua di mana seseorang itu mempunyai perancangan kewangan yang teliti iaitu simpanan atau pelaburan yang membolehkan beliau melalui umur persaraan tanpa perasaan risau

Bebas Hutang

Kebolehan untuk mengekalkan gaya hidup yang selesa dan pada masa yang sama mempunyai simpanan masa depan serta mengelak daripada bebanan hutang

Literasi Kewangan

Kebolehan menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan sumber kewangan secara berkesan bagi mencapai kesejahteraan kewangan

Kebolehpekerjaan

Keupayaan untuk mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan

Pegajian

Pendapatan yang diperoleh oleh seseorang daripada majikan yang merupakan ganjaran ke atas perkhidmatan yang diberikannya



KESELAMATAN

Perasaan selamat ketika bersama ahli keluarga, jiran, komuniti sekitar serta keselamatan ketika menggunakan internet

▼ 2

Keselamatan Diri dan Persekutuan

Berasa aman dan bebas daripada rasa takut

Keselamatan Ketika Menggunakan Internet

Rasa selamat ketika menggunakan teknologi digital termasuk transaksi kewangan



SOSIALISASI POLITIK

Keterlibatan dalam aktiviti politik meliputi penyertaan, mengikuti perkembangan dan perbincangan berkaitan isu politik

▼ 3

Penyertaan Dalam Aktiviti Politik

Menceburi aktiviti yang berkaitan politik termasuk mengundi, menghadiri ceramah politik dan aktif dalam parti politik

Mengikuti Perkembangan Aktiviti Politik

Sentiasa mendapatkan maklumat terkini mengenai politik

Perbincangan Isu Berkaitan Politik

Perbincangan mengenai isu politik bersama rakan, keluarga, rakan siber, guru dan lain-lain



KETEMBUSAN MEDIA

Pencapaian dan penggunaan media

▼ 1

Penggunaan Media

Kekerapan penggunaan media cetak dan media elektronik

12 DOMAIN DAN 58 INDIKATOR



KESIHATAN

Bebas dan tidak mengalami penyakit yang boleh dikaitkan dengan gaya hidup dan pemakanan serta aspek kesihatan mental dan fizikal

▼ 7

Tiada Tekanan

Keupayaan menangani ketegangan

Tiada Kebimbangan

Tiada perasaan bimbang terhadap sesuatu perkara

Tiada Kemurungan

Keupayaan mengatasi perasaan murung disebabkan sesuatu perkara

Tiada Kecenderungan Bunuh Diri

Tiada keinginan untuk menamatkan hayat

Persepsi Terhadap Berat Badan

Pandangan individu terhadap berat badan sendiri

Bebas Merokok

Tidak merokok

Gaya Pemakanan Seimbang

Cara amalan pemakanan individu yang seimbang



PENDIDIKAN

Pencapaian akademik tertinggi seseorang, tahap penguasaan dalam membaca, menulis dan mengira serta penglibatan dalam aktiviti ko-kurikulum

▼ 3

Pencapaian Pendidikan

Tahap pencapaian akademik tertinggi individu

Ko-kurikulum

Penglibatan dalam aktiviti persatuan dan sukan semasa di institusi pendidikan

Literasi Pendidikan/ Kurikulum

Penguasaan dan kemahiran dalam membaca, menulis dan mengira



WAKTU SENGGANG

Kegiatan individu pada masa luang meliputi kegiatan aktiviti sukan, hobi, rekreasi, hiburan, penglibatan dalam persatuan dan keagamaan

▼ 2

Penglibatan Aktiviti Sukan

Aktiviti fizikal yang dilakukan bagi pelbagai tujuan untuk pertandingan, keseronokan

Penggunaan Masa Senggang

Kekerapan aktiviti berdasarkan minat seperti hobi, aktiviti rekreasi, hiburan, penglibatan berpersatuan dan aktiviti kerohanian/ keagamaan



BEBAS TINGKAH LAKU DEVIAN

Belia yang berpotensi untuk terlibat dalam aktiviti salah laku sosial

▼ 15

Melakukan Penderaan/ Keganasan Rumah Tangga

Membawa Senjata

Memeras Ugut

Mencuri Hak Milik Orang Lain

Mencederakan Orang Lain

Terlibat Dalam Gangsterism

Merosakkan Harta Benda Awam/Vandalisme

Lumba Motor Haram (Merempit)

Mengambil Dadah/Bahan Terlarang

Mengedar Dadah/Bahan Terlarang

Minum Arak

Mengadakan Hubungan Seks Luar Nikah/ Sebelum Berkahwin

Mengadakan Hubungan Seks Sesama Jantina
Berjudi

Terlibat Dengan Jenayah Siber
(Menggodam, Cetak Römpak, Dll)

PENAMBAHBAIKAN MUTU PENGUKURAN KUALITI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA MALAYSIA



2015-2020

12 Domain 58 Indikator

2021-2025

6 Domain 41 Indikator



Justifikasi

- Mengikut keperluan semasa
- Berlandaskan model analitik
- Penyelarasan dengan Indeks Belia Antarabangsa (Global, ASEAN)

INDEKS BELIA MALAYSIA

Dokumen Rujukan

- Sustainable Development Goals (SDG)
- Global Youth Development Index
- Commonwealth Youth Development Index
- Rancangan Malaysia ke-12
- Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
- Dasar Perpaduan Negara 2021-2030
- Dasar Belia Malaysia 2015-2030
- Pelan Strategik KBS

2021

Tahun Asas

35



STRUKTUR YDI BAGI TAHUN 2013

(5 DOMAIN DAN 15 INDIKATOR)

Education	Mean Years Schooling Education as % GDP Youth Literacy
Health & Wellbeing	Youth Mortality Rate Cannabis Use Teenage Pregnancy Rates HIV Prevalence Tobacco Use
Employment	Unemployed Youth to Total Employment Ratio
Political Participation	Youth Policies and Representation Voter Education Express Political Views
Civic Participation	Youth Volunteering Youth helped a Stranger

STRUKTUR YDI BAGI TAHUN 2016

(5 DOMAIN DAN 18 INDIKATOR)

Education	Enrolment in Secondary School Literacy Rate
Health & Wellbeing	Digital Native Rate Youth Mortality Rate Mental Disorder Rate Alcohol Abuse Rate Drug Abuse Rate HIV Rate Score on Global Well-being Index
Employment & Opportunity	NEET Rate Youth Unemployment Rate Adolescent Fertility Rate Existence of Account at a Financial Institution
Political Participation	Existence of a National Youth Policy Existence of Voter Education Conducted Nationally Voice Opinion to Official
Civic Participation	Volunteered Time Helped a Stranger

STRUKTUR YDI BAGI TAHUN 2020

(6 DOMAIN DAN 27 INDIKATOR)

Commonwealth Youth Development Index

Health & Wellbeing

- Mortality rate
- HIV rate
- Self-harm
- Mental health
- Drug abuse
- Alcohol abuse
- Tobacco consumption

Education

- Literacy rate
- School completion
- Digital natives

Employment & Opportunity

- NEET
